



Asas Kesukarelawanan

KAEDAH PENGAJARAN DAN PENILAIAN

Ed Uni
Ga HN
Ra: 49
De V64
Ro: A798
2019

b
ee

HADIAH

P. KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK
UNIMAS



1000271889

**Asas Kesukarelawanan
Kaedah Pengajaran dan Penilaian**

**Asas Kesukarelawanan
Kaedah Pengajaran dan Penilaian**

Gaddafi Ismaili
Rasidah Abd Wahab
Delsye Teo Ching Lee
Roslan Ali

Universiti Malaysia Sarawak
Kota Samarahan

Asas Kesukarelawanan
Kaedah Pengajaran dan Penilaian

© UNIMAS Publisher, 2019

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada Penerbit UNIMAS.

Diterbitkan oleh

UNIMAS Publisher,
Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Kota Samarahan,
Sarawak, Malaysia.

Dicetak di Malaysia oleh
PPKS Production Sdn Bhd,
93350 Kuching,
Sarawak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Gaddafi Ismaili

Asas Kesukarelawanan: Kaedah Pengajaran dan Penilaian / Gaddafi Ismaili,
Rasidah Abd Wahab, Delsye Teo Ching Lee, Roslan Ali.
ISBN 978-967-2008-69-9

1. Voluntarism. 1. Volunteers. 3. Social action.
4. Government publications--Malaysia.

I. Rasidah Abd Wahab. II. Teo, Delsye Ching Lee.
III. Roslan Ali. IV. Judul
361.37

UM

UM
HN
49
V64
A798
2019

Kandungan

Senarai Nama Pensyarah	i
Penghargaan	iii
Senarai Kata Singkatan	iv
Kata alu-aluan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)	v
Kata alu-aluan Dekan, Pusat Pembangunan Pelajar	vi
Kata alu-aluan Timbalan Dekan (Kemahiran Insaniah & Kokurikulum)	vii
Prakata	ix
1 Pengenalan: Latar belakang dan Pelaksanaan Kursus Kemahiran Insaniah dan Asas Kesukarelawanan, Universiti Malaysia Sarawak <i>Gaddafi Ismaili, Rasidah Abd Wahab, Delsye Teo Ching Lee, Roslan Ali</i>	1
2 Adaptasi dan Implementasi <i>Outcome Based Education</i> dalam Modul Asas Kesukarelawanan <i>Rasidah Abd Wahab, Gaddafi Ismaili, Delsye Teo Ching Lee</i>	7
3 Asas Kesukarelawanan: Teori dan Peranan <i>Rasidah Abd Wahab, Ehfa Bujang Safawi, Samsiah Jayos, Siti Nor Ain Bt. Musa, Emmy Dahliana Bt. Hossain</i>	15
4 Pembudayaan Kesukarelawanan dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam <i>Gaddafi Ismaili, Zakiah Ahmat, Nur Fatimah Bt. Abdullah Bandar</i>	27
5 Perancangan dan Pelaksanaan Aktiviti Kesukarelawanan <i>Delsye Teo Ching Lee, Muhammad Arfan Abdul Samad, Rudiyanto Philman Jong, Nik Norsyamimi Bt. Md Nor, Isabel Fong Lim</i>	37
6 Penutup	43
Lampiran	
Lampiran 1: Contoh Kajian Kes	46
Lampiran 2: Contoh Buku Log	51
Lampiran 3: Rubrik Penilaian Pembentangan & Penglibatan Pelajar	53

Kandungan

Lampiran 4: Panduan Penyediaan Kertas Kerja Aktiviti Kesukarelawanan	54
Lampiran 5: Panduan Penulisan Laporan Projek Kesukarelawanan	56
Lampiran 6: Rubrik Penilaian Projek & Pembentangan	58
Lampiran 7: Contoh Kertas Kerja Lengkap	59
Lampiran 8: Contoh Laporan Projek Lengkap	65

Senarai nama penulis bersama:

Pusat Pembangunan Pelajar

Dr Gaddafi Ismaili, Timbalan Dekan (Kemahiran Insaniah dan Kokurikulum)

Puan Rasidah Abd Wahab, Penyelaras Kursus Kemahiran Insaniah & Asas Kesukarelawan, Ketua Jabatan Pembangunan Insan

Ir. Dr Delsye Teo Ching Lee, Penyelaras Kursus Kokurikulum Berkredit, Ketua Jabatan Kokurikulum Berkredit

Encik Muhammad Arfan B. Abdul Samad, Penolong Pendaftar dan Penasihat Kelab Kesukarelawan UNIMAS

Penyarah-Pensyarah Fakulti

Dr Roslan Ali, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, FBK

Ir. Rudiyanto Philman Jong, Pengamal Kesukarelawan, Fasilitator Kursus Kemahiran Insaniah & Asas Kesukarelawan, FK

Siti Nor Ain Bt. Musa, Pengamal Kesukarelawan, Fasilitator Kursus Kemahiran Insaniah & Asas Kesukarelawan, FK

Emmy Dahliana Bt. Hossain, Pengamal Kesukarelawan, Fasilitator Kursus Kemahiran Insaniah & Asas Kesukarelawan, FSKTM

Dr. Ehfa Bujang Sapawi, Pengamal Kesukarelawan dan Pensyarah Kanan, FPSK

Dr. Isabel Fong Lim, Pengamal Kesukarelawan, Fasilitator Kursus Kemahiran Insaniah & Asas Kesukarelawan, FPSK

Samsiah Jayos, Pengamal Kesukarelawan, Penyelaras Kursus Kemahiran Insaniah & Asas Kesukarelawan, FSKPM

Dr Nur Fatimah Bt. Abdullah Bandar, Pengamal Kesukarelawan, Fasilitator Kursus Kemahiran Insaniah & Asas Kesukarelawan, FSKPM

Nik Norsyamimi Bt. Md Nor, Pengamal Kesukarelawanan, Fasilitator Kursus
Kemahiran Insaniah & Asas Kesukarelawanan, FSKPM

Wakil Badan Bukan Kerajaan

Cik Zakiah Bt. Ahmat, Pengamal Kesukarelawanan Yayasan Salam

Penghargaan



Setinggi-tinggi penghargaan kepada:

YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni),
Universiti Malaysia Sarawak

Dekan, Pusat Pembangunan Pelajar,

Timbalan Dekan (Kemahiran Insaniah & Kokurikulum)

Pensyarah-pensyarah fakulti, UNIMAS

Guru-guru Bahasa, Fakulti Bahasa & Komunikasi

dan

Staf-staf Pusat Pembangunan Pelajar

Senarai Kata Singkatan

PPP	Pusat Pembangunan Pelajar
FK	Fakulti Kejuruteraan
FPSK	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
FSKPM	Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
FBK	Fakulti Bahasa & Komunikasi
FSKTM	Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat
OBE	Outcome Based Education
HPP	Hasil Pembelajaran Program
CLO	Hasil Pembelajaran Kursus
DHP	Domain Hasil Pembelajaran

Kata Alu-Aluan

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera

Alhamdulillah atas limpah kurnia dan rahmat-Nya, modul ini telah dapat dihasilkan sebagai panduan dan rujukan kepada tenaga pengajar Kursus Kemahiran Insaniah dan Asas Kesukarelawan di UNIMAS khususnya.

Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada Pusat Pembangunan Pelajar, para pensyarah serta warga kerja yang terlibat atas usaha ikhlas menyediakan modul ini bagi membantu memastikan pelaksanaan kursus Kemahiran Insaniah dan Asas Kesukarelawan di UNIMAS agar lebih teratur lantaran dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran kepada mahasiswa UNIMAS.

Kemahiran insaniah dalam diri pelajar bukanlah suatu topik baharu di Malaysia khususnya dalam kalangan pelajar Universiti Awam. Menerusi Kementerian Pendidikan Tinggi, usaha meningkatkan kemahiran insaniah dalam diri pelajar universiti telah diberi perhatian sejak tahun 2006 lagi. Hal ini adalah atas kesedaran bahawa generasi pada hari ini perlu mempunyai nilai modal insan yang tinggi dalam mendepani cabaran-cabaran dunia global pada hari ini juga pada masa akan datang. Oleh itu dengan aktiviti kesukarelawan mampu melahirkan pelajar yang memiliki kemahiran insaniah yang tinggi.

Melangkah ke arah sebuah negara maju, menghampiri tahun 2020 dan wawasan yang telah lama diimpikan, keutuhan modal insan bukan sesuatu yang boleh ditolak ke tepi sebagai salah satu asas kepada negara untuk mencapai matlamat tersebut.

Justeru, Universiti sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi perlu mengambil langkah strategik dalam menggembeng usaha untuk mendukung aspirasi negara menggapai kemajuan dan kemakmuran yang dihasratkan.

Sekali lagi, diucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbangkan idea dan tenaga dalam menyediakan Modul Pengajaran dan Latihan Asas Kesukarelawan ini. Semoga dengan wujudnya modul ini, UNIMAS akan mampu melahirkan graduan-graduannya yang mempunyai nilai modal insan yang jitu seterusnya menyumbang kepada bangsa dan Negara.

Sekian, terima kasih.

Profesor Mohd Fadzil bin Abd Rahman

Kata Alu-Aluan Dekan, Pusat Pembangunan Pelajar



Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Pembangunan Insan, Pusat Pembangunan Pelajar Universiti Malaysia Sarawak yang telah berjaya melengkapkan modul Asas Kesukarelawan. Buku ini akan menjadi panduan kepada semua fasilitator yang berminat untuk melaksanakan aktiviti kesukarelawan sama ada yang berbentuk akademik mahupun yang bukan akademik. Penerbitan modul ini sejajar dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan graduan yang seimbang dan cemerlang sahsiahnya. Hasrat ini dapat dicapai melalui

aktiviti kesukarelawan.

Pusat Pembangunan Pelajar sememangnya telah mengiktiraf bahawa aktiviti kesukarelawan pelajar akan mampu melahirkan para graduan yang memiliki kemahiran insaniah yang tinggi. Bertitik tolak daripada kenyataan di atas, satu usaha telah dilaksanakan dengan memasukkan modul Asas Kesukarelawan sebagai satu kursus wajib kepada semua pelajar tahun 1 di UNIMAS. Modul ini memberi pendedahan dan panduan ilmu kesukarelawan yang perlu dimiliki oleh pelajar sebelum mereka melaksanakannya di luar kelas.

Bagi memastikan kursus Asas Kesukarelawan ini dijalankan dengan baik dan teratur, modul ini telah diwujudkan. Saya amat berharap agar modul ini mampu menjadi buku rujukan dan garis panduan kepada semua fasilitator yang terlibat di dalam mahu pun di luar UNIMAS. Saya yakin, modul ini mampu memberi panduan kepada para ahli akademik dan bukan akademik untuk merancang, menjana idea, dan melaksanakan aktiviti kesukarelawan dengan lebih baik dan teratur.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan modul ini. Saya percaya modul ini mampu menjadi garis panduan dan rujukan yang penting kepada semua pihak yang ingin melaksanakan aktiviti kesukarelawan dengan jayanya.

Prof Dr Siti Raudzah Binti Ghazali, PhD

Timbalan Dekan (Kemahiran Insaniah & Kokurikulum) Pusat Pembangunan Pelajar



Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah, bersyukur kita kepada Allah SWT kerana dengan limpah perkenan serta kurnia-Nya maka terhasil-lah Modul Asas Kesukarelawan ini setelah berusaha lebih daripada setahun. Terima kasih yang tidak terhingga saya panjatkan kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penghasilan modul ini khususnya kepada Puan Hajah Rasidah Abd. Wahab selaku Ketua Jabatan Kemahiran Insaniah, Ir Dr Delsye Teo Ching Lee selaku Ketua Jabatan Kokurikulum Berkredit, Dr Hj. Roslan Bin Hj. Ali selaku Timbalan Dekan HEPA Fakulti Bahasa dan Komunikasi, semua pensyarah KI dan pihak NGO yang terlibat. Tidak lupa juga kepada Prof. Mohd. Fadzil Bin Abd. Rahman, Timbalan Naib Canselor HEPA dan Prof. Dr Siti Raudzah Binti Ghazali, Dekan Pusat Pembangunan Pelajar kerana sokongan padu yang diberikan oleh mereka.

Matlamat Pusat Pembangunan Pelajar adalah jelas dalam visinya, iaitu menjadi pusat kecemerlangan pilihan melalui aktiviti pembangunan pelajar yang berkualiti dan holistik. Begitu juga dengan misi pusat iaitu untuk menyediakan sumber, perkhidmatan dan program pembangunan pelajar yang berkualiti melalui kerjasama agensi sama ada dari dalam mahupun luar secara perkongsian bestari dalam usaha untuk melahirkan graduan yang cemerlang, berketerampilan dan berilmu di samping berkebolehpasaran dan mempunyai jati diri yang tinggi. Melalui objektif yang dirangka, diharapkan dapat menjadi panduan serta hala tuju pusat dalam usaha ini.

Dengan kewujudan modul ini di tangan anda, insya Allah akan dapat membantu dalam pelaksanaan proses pembelajaran dan pengajaran dengan lebih teratur dan berkesan. Selain itu, panduan serta tata cara pengendalian dan penilaian kursus juga diterangkan secara terperinci. Modul ini amat sesuai dijadikan rujukan terutama kepada penyelarar kursus keusahawanan mahupun pensyarah yang baru dilantik bagi mengajar kursus ini dalam membuat perancangan dan penyelarasan dari semasa ke semasa. Segala perancangan rapi telah pun dibuat bagi memastikan kedua-dua universiti dan pelajar mencapai satu matlamat, iaitu kelestarian dalam pendidikan. Bersama-samalah kita berdoa agar segala usaha yang telah kita galas dapat dimurnikan, insya Allah.

Dr Gaddafi Ismaili, PhD

Prakata

Sekitar tahun 1970-an, isu kesukarelawanan menjadi salah satu agenda yang dikemukakan dalam kertas cadangan Dasar Belia Negara dan juga menjadi salah satu agenda dalam penubuhan Majlis Belia Malaysia pada tahun 1948 (Azimi Hamzah & Turiman Suandi, 1994). Dasar Belia Malaysia telah memberi penekanan terhadap isu kesukarelawanan sebagai satu keperluan untuk melahirkan modal insan yang berbakat dan berkeupayaan untuk memberi sumbangan dalam semua aspek kehidupan (Norshafawati, 2014). Selaras dengan kepentingan penglibatan sebagai sukarelawan dan aktiviti kesukarelawanan, dalam Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu telah menetapkan dan mengisytiharkan bahawa 5 Disember setiap tahun akan disambut sebagai Hari Sukarelawan Antarabangsa bagi mengiktiraf peranan yang dimainkan oleh semua sukarelawan dalam menjayakan pelbagai program dan bantuan kemasyarakatan di seluruh dunia (Zakariah Md. Sam, 2009, Ahmad Fauzi Mustafa, 2015).

Isu kesukarelawanan juga diberi penekanan dalam membentuk jati diri dan sahsiah para mahasiswa pada masa kini. Mahasiswa dilihat sebagai golongan berpendidikan tinggi yang mampu menjadi contoh terbaik kepada masyarakat. Selaras dengan itu, maka program kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa telah diwujudkan dengan harapan mampu melahirkan mahasiswa yang bertanggungjawab serta rela melibatkan diri secara langsung dalam menyelesaikan masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat. Menurut kajian-kajian yang dijalankan sebelum ini menunjukkan bahawa mahasiswa yang terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan telah dikenal pasti mempunyai peningkatan yang ketara dari aspek nilai sosial mereka. Selain itu, penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan juga bukan sahaja mampu meningkatkan tahap pencapaian mereka dari aspek kurikulum dan kokurikulum, malah turut mempunyai rasa tanggungjawab yang tinggi untuk membantu komuniti sekeliling mereka yang berada dalam keadaan yang memerlukan.

Memetik kenyataan Haski-Leventhal et al., (2008) yang menyatakan bahawa mahasiswa universiti yang melibatkan diri dengan aktiviti berbentuk kesukarelawanan mempunyai gaya kehidupan yang lebih berdisiplin dan kebanyakan mereka dilihat lebih mempunyai keyakinan diri dan mampu

mengurus masa dengan lebih sistematik. Memandangkan aspek-aspek yang berkaitan dengan kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa mampu memberi nilai tambah ke arah pembentukan peribadi dan sahsiah yang positif, maka komponen asas kesukarelawanan telah dibentuk dan dimuatkan bersama dengan modul kemahiran insaniah Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) bagi menggalakkan mahasiswa/mahasiswi mempraktikkan kemahiran insaniah yang telah dipelajari serta bermotivasi untuk terlibat dalam kerja-kerja berbentuk kesukarelawanan.

Penghasilan buku merupakan satu inisiatif Pusat Pembangunan Pelajar dalam menyahut saranan Kementerian Pengajian Tinggi untuk melahirkan mahasiswa yang bukan sahaja aktif dalam akademik, tetapi juga dalam aktiviti kesukarelawanan. Diharapkan buku ini mampu menjadi bahan rujukan pensyarah atau fasilitator yang mengajar aspek kemahiran insaniah serta asas-asas kesukarelawanan di samping dapat membantu mereka dalam mengaplikasikan setiap elemen penting kemahiran insaniah dalam penerapan asas kesukarelawanan dengan sebaik mungkin.

Editor Utama
2018

BAB 1

PENGENALAN

Latar belakang dan Pelaksanaan Kursus Kemahiran Insaniah dan Asas Kesukarelawan, Universiti Malaysia Sarawak

Struktur Kursus Kemahiran Insaniah dan Asas Kesukarelawan

Kursus Keterampilan Diri PPD1011 mula ditawarkan pada sesi 2010/2011 dan terus ditawarkan hingga sesi 2014/2015. Kursus tersebut telah dinamakan semula kepada Kursus Kemahiran Insaniah PPD1011 dan mula ditawarkan pada sesi 2015/2016 dengan 6 modul yang telah ditambah baik.

Pada awal tahun 2015, Pusat Pembangunan Pelajar (PPP) telah dicadangkan untuk menawarkan kursus kesukarelawan kepada pelajar-pelajar prasiswazah Tahun 1 di Universiti Malaysia Sarawak. Ini berikutan dengan pemilihan Universiti Malaysia Sarawak antara tiga buah Universiti Awam (UA) yang dipilih untuk menawarkan kursus kesukarelawan. Tujuan penawaran aspek kesukarelawan ini adalah diharapkan agar para pelajar dapat membudayakan dan menerapkan nilai kesukarelawan di dalam diri mereka di samping memberi nilai tambah sahaja.

Bertitik tolak daripada hal itu, beberapa siri perjumpaan telah diadakan bersama pihak Universiti Sains Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia. Satu bengkel membangun modul kesukarelawan telah diadakan bersama para pensyarah Universiti Malaysia Sarawak serta wakil daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang giat aktif sebagai pengamal kesukarelawan. Hasil daripada bengkel tersebut, modul asas kesukarelawan telah dihasilkan dan dimuatkan dalam modul Kursus Kemahiran Insaniah PPD1011. Lanjutan daripada itu, modul kursus Kemahiran Insaniah telah disemak

semula dan dinamakan kepada Kursus Kemahiran Insaniah dan Asas Kesukarelawan dengan kod kursus yang baharu PPD1041.

Kandungan Kursus Kemahiran Insaniah dan Asas Kesukarelawan

Kandungan kursus PPD1041 mencantumkan dua modul utama iaitu modul Kemahiran Insaniah (5 modul) dan modul Asas Kesukarelawan (3 modul). Pada setiap sesi kursus ini dilaksanakan pelajar akan melalui modul Kemahiran Insaniah terlebih dahulu kemudian diikuti modul Asas Kesukarelawan. Pelajar akan diberi peluang mengaplikasikan kemahiran insaniah yang telah dipelajari ke dalam aktiviti kesukarelawan masing-masing. Bagi memastikan keberkesanan, bersistematik dan efektif sesuatu modul, penglibatan pelajar di dalam kedua modul ini akan dinilai berdasarkan rubrik dan skema penilaian bercirikan *Outcome Based Education* (OBE).

Selain itu, rangka kursus dibentuk berpaksikan garis panduan Malaysian Qualification Frameworks (MQF). Dua (2) domain Hasil Pembelajaran Program (HPP) iaitu HPP 1 (Nilai, Sikap dan Profesionalisme) dan HPP 5 (Komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan) telah dipilih daripada lapan (8) domain hasil pembelajaran tersebut. Pemilihan kedua-dua HPP tersebut adalah untuk memenuhi hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), Lonjakan 1 dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Lanjutan tentang adaptasi OBE dalam Kursus PPD1041 diperjelas dalam **Bab 2**.

Kursus ini dilaksanakan dengan mengaplikasikan kaedah pengajaran-pembelajaran secara praktikal dan berpusat kepada pelajar (*Student Centered*). Kaedah ini dipilih kerana ia boleh memberi kesan perkembangan kepada kemahiran insaniah pelajar sejajar dengan matlamat kursus ini iaitu melahirkan pelajar UNIMAS bukan sahaja cemerlang dalam akademik, berdaya saing tetapi dapat melahirkan seorang graduan yang holistik.

Pelaksanaan Kursus Kemahiran Insaniah dan Asas Kesukarelawan

Kursus Kemahiran Insaniah dan Asas Kesukarelawan PPD1041 masih kekal sebagai Kursus Pengukuhan yang ditawarkan kepada Pelajar Tahun 1 dan wajib diambil sebagai **SYARAT BERGRADUAT**. Keseluruhan jam penglibatan pelajar dalam kursus ini adalah sebanyak 40 jam (1 jam kredit)

seperti pembahagian serta pecahan pada Jadual A dan Jadual B dan akan diberi gred **LULUS** atau **KANDAS** pada akhir kursus tersebut. Kursus ini merupakan prasyarat sebelum pelajar dibenarkan mengambil Kursus Kokurikulum Berkredit PPD1032.

Jadual A: Pecahan Jam Pembelajaran Pelajar

Aktiviti Pengajaran-Pembelajaran & Penilaian		Jam Pembelajaran Bersemuka	Jam Pembelajaran Sendiri
1	Kuliah	6	12
2	Pembelajaran Berpusat pada Pelajar [<i>Problem Based learning (PBL), Case Study, Modular Approach, and Project Oriented Problem Based Learning (PoPBL)</i>]	8	14
Sub-Total		14	26
Total		40	
Notional (MQF) Credit		1	

Jadual B: Unit Pembelajaran dan Jam Bersemuka Bagi Kursus PPD1041

	Unit Pembelajaran	Jumlah Jam
UP1	Komunikasi Berkesan	1
UP2	Pemikiran Kritis dan Kreatif	1
UP3	Gaya Belajar	2
UP4	Kerja Berpasukan dan Kepemimpinan	2
UP5	Nilai Profesionalisme dan Etika Moral	2
UP6	Asas Kesukarelawan I: Kesukarelawan & Peranan Sukarelawan	2
UP7	Asas Kesukarelawan II: Pembudayaan Kesukarelawan	2
UP8	Asas Kesukarelawan III: Perancangan & Pelaksanaan Aktiviti Kesukarelawan	2
Jam Pembelajaran Terarah (<i>Guided Learning Time</i>)		14

Ringkasan kandungan Modul Asas Kesukarelawan

Modul Asas Kesukarelawan merupakan komponen ke-2 Kursus Kemahiran Insaniah dan Asas Kesukarelawan PPD1041. Modul Asas Kesukarelawan mengandungi tiga modul utama yang perlu dilalui oleh pelajar bagi melengkapkan dan membolehkan pelajar diberi gred **LULUS** atau **KANDAS** bagi Kursus PPD1041. Elemen-elemen kemahiran insaniah yang telah dipilih untuk difokuskan dan dinilai dalam setiap penglibatan

pelajar mencakupi tiga (3) elemen utama iaitu (1) Kemahiran Komunikasi, (2) Etika dan Moral Profesionalisme, dan (3) Kerja Berpasukan. Ringkasan bagi setiap modul adalah seperti berikut:

i. Modul Asas Kesukarelawan: Teori dan Peranan

Modul pertama ini memberi penekanan dan memperkenalkan pelajar kepada teori asas dan peranan seorang sukarelawan. Pelajar akan melalui beberapa bentuk aktiviti praktikal dalam modul dan setiap penglibatan pelajar akan dinilai oleh fasilitator masing-masing. Modus praktikal digunakan dalam pelaksanaan modul ini bagi membolehkan fasilitator menilai aplikasi aspek kemahiran insaniah yang telah dipelajari pada awal Kursus PPD1041.

ii. Modul Pembudayaan Kesukarelawan dalam Pelajar Universiti Awam

Modul kedua ini memberi penekanan kepada pembudayaan kesukarelawan dalam setiap individu pelajar. Aktiviti yang dirancang untuk modul ini dibentuk secara praktikal agar pelajar dapat menghayati konsep kesukarelawan dan memupuk budaya kesukarelawan di fakulti setelah bergraduat. Selain memupuk semangat membudayakan kesukarelawan, aspek kemahiran insaniah terus diambil kira dan dinilai bersama dalam setiap aktiviti-aktiviti modul ini.

iii. Modul Perancangan dan Pelaksanaan Aktiviti Kesukarelawan

Modul ketiga pula memberi penekanan kepada langkah-langkah yang perlu diambil kira dalam merancang dan melaksanakan aktiviti kesukarelawan bersama komuniti yang telah dikenal pasti oleh pelajar dan fasilitator. Pelajar akan didedahkan dengan teknik dan kepentingan membuat penilaian keperluan sebelum merancang aktiviti kesukarelawan. Seterusnya pelajar akan menyediakan kertas kerja cadangan aktiviti kesukarelawan yang boleh dilakukan bersama komuniti dalam UNIMAS sendiri atau komuniti luar kampus. Setelah selesai melaksanakan aktiviti kesukarelawan maka pelajar juga didedahkan dengan kaedah penyediaan laporan aktiviti tersebut. Pelajar pada peringkat ini akan dinilai dari aspek penilaian keperluan, penyediaan kertas kerja aktiviti, pelaksanaan aktiviti dan

laporan aktiviti. Aspek kemahiran insaniah terus dinilai dengan melihat penglibatan pelajar dalam modul ini.

Kesimpulan

Pusat Pembangunan Pelajar (PPP) merupakan pusat yang bertanggungjawab menawarkan kursus PPD1041, di samping merangka strategi, menyediakan sumber, perkhidmatan dan program pembangunan pelajar yang berkualiti melalui kerjasama agensi dalam dan luar secara perkongsian bestari. PPP berharap dengan terhasilnya buku **ASAS KESUKARELAWANAN: KAEDAH PENGAJARAN DAN PENILAIAN** ini, para pensyarah dan juga penyelaras dapat menggunakan buku ini sebagai panduan bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih bersistematik dan efektif.

BAB 2

Adaptasi & Implementasi *Outcome Based Education* Dalam Modul Kemahiran Insaniah dan Modul Asas Kesukarelawan

Pengenalan

Amalan *Outcome Based Education* juga telah dilaksanakan dalam Kursus Kemahiran Insaniah dan Asas Kesukarelawan PPD1041. Kursus ini telah melalui beberapa fasa semakan semula dan terkini struktur Kursus PPD1041 terbahagi kepada dua modul utama iaitu; Modul Kemahiran Insaniah (5 modul) dan Modul Asas Kesukarelawan (3 modul). Kursus ini dirangka sedemikian rupa bagi menepati seruan Kementerian Pengajian Tinggi iaitu pelajar Universiti Awam perlu mempelajari aspek kemahiran insaniah dan asas kesukarelawan seterusnya mengaplikasikan elemen kemahiran insaniah dalam aktiviti kesukarelawan. Sehubungan itu, bagi memastikan kedua-dua aspek kursus ini dapat dinilai dengan lebih objektif, maka struktur pemetaan Hasil Pembelajaran Kursus (CLO) telah dimurnikan bermula daripada penetapan Hasil Pembelajaran Program (PLO), Hasil Pembelajaran Kursus (CLO), kaedah Pengajaran-Pembelajaran (P&P) serta strategi penilaian. Penjelasan tentang struktur pemetaan Kursus PPD1041 adalah seperti yang berikut:

Pemetaan/Matrik Domain Hasil Pembelajaran (DHP)

Dua (2) Domain Hasil Pembelajaran (DHP) utama telah dipilih daripada Lapan (8) DHP yang disenaraikan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Dua DHP terpilih adalah seperti berikut:

DHP4	Nilai, Sikap dan Profesionalisme (<i>Values, Attitudes and Professionalism - VAP</i>)
DHP5	Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Kerja Berpasukan (<i>Communication, Leadership and Team Skills - CLT</i>)

Pemilihan kedua-dua domain ini berdasarkan kesesuaian elemen-elemen domain tersebut yang juga merupakan aspek yang diajar dalam komponen Modul Kemahiran Insaniah (KI). Kemudian aplikasi elemen-elemen KI diteruskan dalam aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Modul Asas Kesukarelawan. Maka jelaslah kedua-dua domain ini menjadi domain utama yang dinilai sepanjang pelajar melalui kesemua lapan modul utama Kursus Kemahiran Insaniah dan Asas Kesukarelawan.

Pemetaan Hasil Pembelajaran Kursus kepada matrik domain pembelajaran untuk modul Asas Kesukarelawan

Hasil pembelajaran kursus (CLO) telah diformulasi bagi memenuhi Domain Hasil Pembelajaran (Rujuk bahagian 5.1) yang telah dipilih;

CLO1	Membina kemahiran komunikasi berkesan (A4)
CLO2	Mempamerkan penerapan nilai-nilai kemahiran insaniah di dalam aktiviti kesukarelawan yang dilaksanakan (A4)
CLO3	Menunjukkan kefahaman terhadap konsep profesionalisme dan etikakerja yang baik (A4)

Para pelajar akan dimaklumkan tentang ketiga-tiga CLO ini pada minggu pertama Modul Asas Kesukarelawan bagi memastikan mereka dapat mengaplikasikan elemen kemahiran insaniah yang telah dipelajari dalam Modul Kemahiran Insaniah. Memandangkan fokus utama modul ini adalah elemen kemahiran insaniah maka domain pembelajaran yang dinilai adalah domain afektif (A4) sahaja.

Dua CLO iaitu CLO1 dan CLO2 telah dipetakan kepada DHP5, manakala CLO3 telah dipetakan kepada DHP4. Ketiga-tiga CLO ini akan diterapkan dan dinilai dalam proses perancangan dan pelaksanaan aktiviti kesukarelawan yang akan dilaksanakan oleh setiap kumpulan pelajar di fakulti masing-masing. Bagi memastikan kesinambungan hasil pembelajaran Kursus Kemahiran